

Cuaca panas: Lata Kinjang jadi pusat 'berendam air'

Cuaca panas: Lata Kinjang jadi pusat 'berendam air'

TAPAH: Cuaca panas ekoran fenomena El Nino yang melanda negara menyebabkan kawasan air terjun di Taman Eko-Rimba Lata Kinjang, Chenderiang di sini menjadi tumpuan orang ramai untuk 'berendam air' sejak cuti Tahun Baharu Cina.

Rata-rata pengunjung mengambil kesempatan mandi bersama keluarga di air terjun paling tinggi Asia Tenggara dengan ketinggian 850 meter dari paras laut itu.

Seorang pengunjung, Ali Jalal, 56, yang menetap di Shah

Alam, Selangor berkata, dia mengambil kesempatan mandi bersama keluarga selain melawat tempat-tempat menarik sekitar Tapah.

"Cuaca panas memang seronok mandi untuk menyejukkan badan terutama waktu tengah

hari," katanya semalam.

Dalam pada itu, seorang pengunjung dari Ipoh, Zulhilmi Hariri, 45, berkata, dia sekeluarga mengadakan hari keluarga di situ.

"Memang setiap tahun keluarga saya mengadakan hari keluarga cuma kali ini kami me-

milih kawasan air terjun kerana cuaca yang panas.

"Seronok juga selain kawasan ini bersih dan lengkap dengan kemudahan tandas, surau, gerai makan, tempat letak kenderaan dan salin pakaian yang memudahkan pengunjung," katanya.